

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM/PB/100-6/4 Jld 2 ( 8 )

Tarikh: 17 Julai 2013

**PEKELILING BENDAHARI BIL 4/2013**

**Semua Pengurus Bahagian**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**PINDAAN KADAR BAYARAN PENGAJAR / JURULATIH SAMBILAN KURSUS KOKURIKULUM**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa terdapat pindaan pada kadar bayaran pengajar / jurulatih sambilan kursus kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Pada masa ini kadar bayaran yang digunakan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Bendahari Bil. 5/2005 – Peraturan mengenai kadar bayaran jurulatih sambilan dan pengadil

2.2 Transformasi yang dilaksanakan dalam kursus kokurikulum telah memberi kesan kepada beban kerja pengajar / jurulatih. Oleh itu, kadar bayaran yang bakal diperolehi perlulah seimbang dengan penambahan beban kerja ini. Susulan daripada itu, kadar bayaran yang digunakan sejak tahun 2005 telah disemak semula supaya lebih relevan dengan beban kerja semasa.

- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Bil. 1/2012 yang bersidang pada 19 Mac 2012 telah bersetuju dengan cadangan kadar bayaran pengajar / jurulatih sambilan kursus kokurikulum.

### **3.0 PERLAKSANAAN**

- 3.1 Semua pertemuan bagi aktiviti kokurikulum selepas ini akan hanya melibatkan aktiviti AMALI sahaja dan tiada lagi aktiviti yang berbentuk syarahan. Jam pertemuan bagi aktiviti AMALI adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	Aktiviti	Jam pertemuan
1	Amali - Pengajaran dan latihan mingguan	28 jam (2 jam/minggu)
2	Aktiviti luar kelas	14 jam
<b>JAM MAKSIMUM PERTEMUAN AMALI</b>		<b>42 jam</b>

- 3.2 Bayaran sebelum ini iaitu RM50 sejam bagi syarahan dan RM25 sejam bagi amali adalah dipinda kepada satu kadar sahaja iaitu sebanyak RM40 sejam.
- 3.3 Jumlah maksimum yang boleh dituntut mengikut jam pertemuan adalah sebanyak RM1680.00 sahaja. Tuntutan melebihi jumlah maksimum tidak akan dibayar walaupun pertemuan melebihi jumlah jam maksimum.
- 3.4 Bayaran aktiviti luar kelas sebanyak RM75 sehari seperti di dalam perenggan 2.6 Pekeliling Bendahari Bil. 2/2005 adalah dimansuhkan kerana ianya sudah termasuk dalam tuntutan 42 jam pertemuan tersebut.
- 3.5 Kaedah tuntutan bayaran adalah secara bulanan atau sekaligus dalam tempoh 3 bulan selepas berakhirnya kelas kokurikulum bagi semester tersebut. Tuntutan yang dikemukakan melebihi tempoh 3 bulan tidak akan dipertimbangkan untuk dibayar.

#### **4.0 PEMBATALAN PEKELILING**

Klausa 2.2 bagi aktiviti kokurikulum dan klausa 2.6 bagi bayaran jurulatih kokurikulum yang mengiringi pelajar untuk aktiviti luar dalam Pekeliling Bendahari Bil. 5/2005 adalah dengan ini dimansuhkan.

#### **5.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai Semester II - Sesi 2012/2013.

Sekian, terima kasih

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,



**MISRO BIN JERUT**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Samb: 7050

- s.k - Y.Bhg Naib Canselor  
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
- Ketua Unit Audit Dalam